

PELAJAR digalakkan menyertai aktiviti yang dianjurkan pihak kolej bagi mendapat pendedahan menyeluruh.



KEBANYAKAN universiti mewajibkan pelajar tinggal di kolej sekurang-kurangnya pada tahun pertama bagi tujuan pembangunan sahsiah mereka.



# Kolej kediaman pemangkin sahsiah pelajar

## Sudut Pandang

Oleh PROF. DATUK DR. MOHAMMAD SHATAR SABRAN  
Pakar Sosial dan  
Timbalan Naib Canselor  
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni),  
Universiti Putra Malaysia



**K**OLEJ kediaman memang sudah tidak asing lagi bagi semua pelajar universiti awam di negara ini.

Semua pelajar universiti awam diwajibkan untuk tinggal di kolej kediaman yang disediakan oleh setiap universiti sekurang-kurangnya pada tahun pertama.

Perkara ini amatlah penting kerana tempoh satu tahun itu adalah untuk memastikan pelajar yang baru memasuki universiti dapat didedahkan dan dibekalkan dengan pelbagai kemahiran serta ilmu pengetahuan bagi tujuan pembangunan sahsiah terutamanya dalam bidang akademik dan kemahiran insaniah mereka.

Semasa berada di kolej kediaman, setiap pelajar akan dipastikan untuk mempelajari dan memiliki pelbagai kemahiran hidup agar mereka mampu bersaing dengan cemerlang apabila bergraduasi kelak.

Antara kemahiran yang diberikan kepada pelajar itu ialah kepimpinan, kerja berkumpulan, komunikasi, penyelesaian masalah, etika dan moral, ilmu keusahawanan serta kesukarelawan.

Kemahiran ini akan disuntik pada semua pelajar di kolej kediaman melalui pelbagai aktiviti yang dirancang secara bersepadu dengan kerjasama pihak pengurusan kolej kediaman dan pemimpin pelajar di peringkat kolej masing-masing.

Tiga kumpulan utama bertanggungjawab secara langsung dalam membangunkan sahsiah pelajar di kolej kediaman.

Mereka ialah pengetua kolej kediaman, felo dan pengurus kolej. Tanpa bantuan dan pertolongan daripada ketiga-tiga kumpulan ini, agenda untuk membangunkan sahsiah pelajar di universiti awam pasti menghadapi kesukaran.

### Peranan pengetua

Pengetua merupakan individu yang penting di setiap kolej kediaman. Pengetua dilantik oleh pihak universiti berdasarkan pengalaman dan kecenderungan terhadap aktiviti serta program untuk membangunkan sahsiah pelajar.

Sebagai seorang pengetua kolej kediaman, mereka bertanggungjawab secara keseluruhan di kolej masing-masing terhadap semua perkara yang berkaitan dengan pelajar.

Tanggungjawab dan peranan seorang pengetua di kolej kediaman tidak mengira masa dan waktu. Mereka perlu melaksanakan tugas itu hampir 24 jam.

Setiap permohonan dan aduan

pelajar yang berkaitan dengan pembangunan serta kebajikan pelajar akan diberi perhatian yang sangat serius.

Senario ini bertambah penting kerana pelajar seringkali menghabiskan sebahagian besar masa mereka di kolej kediaman.

Justeru itu, tidak hairanlah ramai dalam kalangan pelajar yang mendakwa kolej ialah rumah kedua mereka. Menyadari pentingnya peranan kolej kediaman, maka adalah wajar untuk memastikan pengetua yang dilantik merupakan individu yang komited dan berminat untuk membangunkan pelajar.

### Peranan felo

Felo memainkan peranan yang penting untuk membantu pengetua kolej melaksanakan aktiviti dan program yang telah dirancang. Felo bertindak sebagai pembantu kepada pengetua kolej yang terlibat.

Kebanyakan felo dilantik dalam kalangan staf akademik dan bukan akademik di universiti itu.

Ada juga pelajar pasca siswazah yang dilantik sebagai penolong felo untuk tujuan yang sama. Selain berperanan sebagai pembantu kepada pengetua, felo juga berfungsi sebagai mentor kepada pelajar dan penasihat aktiviti serta program yang dijalankan oleh pelajar di kolej terlibat.

### Peranan pengurus

Pengurus kolej kediaman merupakan individu yang dilantik dalam kalangan bukan akademik untuk memastikan pentadbiran di setiap kolej dapat berjalan lancar.

Semua hal yang berkaitan pentadbiran kolej akan diuruskan

oleh mereka selepas mendapat persetujuan daripada pengetua kolej.

Kerjasama yang erat antara pengetua dan pengurus untuk setiap kolej kediaman di universiti akan menghasilkan pengurusan kolej yang cekap seterusnya menghasilkan pelbagai program serta aktiviti yang berimpak tinggi terhadap pembangunan sahsiah pelajar.

### Rumusan

Kolej kediaman merupakan paksi kepada pembangunan sahsiah pelajar di universiti awam Malaysia.

Tanpa kerjasama yang erat dan kukuh daripada kolej kediaman, hasrat universiti dan negara untuk melahirkan generasi muda yang berkualiti dan menjiwai aspirasi negara pasti menghadapi kesukaran.

Selain itu, kolej kediaman juga berperanan memastikan generasi pelajar hari ini mampu meneruskan kepimpinan negara dengan cemerlang pada masa hadapan.

Justeru, warga universiti khususnya dan masyarakat amnya, harus sentiasa memberi penghargaan serta sokongan padu kepada kolej kediaman untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka agar setiap pelajar yang bakal keluar daripada universiti awam berkualiti tinggi.

Itu penting bagi meneruskan keamanan, kemajuan dan kemampan negara pada masa hadapan.

Semoga usaha murni kolej kediaman akan terus cemerlang dan gemilang untuk hari ini, esok dan selama-lamanya.

PELAJAR perlu mempelajari pelbagai kemahiran hidup di universiti agar mereka mampu bersaing apabila bergraduasi kelak.

